



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41  
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Gaji Yang Ditawarkan : RM 3,215.00 (sebulan)
3. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia dan;  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan;  
(c) Hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
(d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Syarat Tambahan : Keutamaan adalah bagi calon-calon yang mempunyai kemahiran dalam pengurusan projek ICT, pembangunan dan selenggaraan sistem dalam talian melibatkan pengaturcaraan HTML, PHP, JAVA, JavaScript, pangkalan data MySQL, Microsoft SQL, UI/UX Design ( CSS ) dan Mobile Application Development.
5. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemrosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan MDA.

8. **Cara Memohon** : Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut yang telah siap dikotot/*distapler*) mengikut turutan.

- a) Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
- b) Kad Pengenalan;
- c) Sijil Kelahiran;
- d) Sijil Tamat Persekolahan;
- e) Sijil STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- f) Sijil Ijazah dalam bidang berkaitan berserta transkrip;
- g) Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
- h) Lain-lain dokumen sokongan.

Ke alamat:

UNIT KHIDMAT PENGURUSAN  
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,  
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,  
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

**(sila tulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat)**

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. **Tarikh Tutup Permohonan** : 10 Julai 2023 (Isnin) jam 3.00 petang

**NURUL AINI BINTI SURIP**

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 26 Jun 2023

